

17/03/2003

Jawatankuasa khas teliti perjanjian kerajaan, swasta

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa khas di Jabatan Perdana Menteri akan meneliti semua perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) baru yang ditandatangani di antara kerajaan dan swasta, supaya kesannya tidak membelakangi kepentingan kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, yang mengetuai jawatankuasa itu berkata, perkara ini dipersetujui pada mesyuarat Kabinet, Rabu lalu.

"Jawatankuasa ini akan meneliti semua perjanjian yang membabitkan kerajaan dengan swasta dengan matlamat supaya segala kepentingan kerajaan tidak terjejas atau diabaikan.

"Perjanjian itu juga yang akan membabitkan Kerajaan Pusat dengan pihak kerajaan negeri. Kemudian ia akan dikemukakan kepada Peguam Negara untuk tindakan lanjut," katanya, semalam.

Rais berkata, Kabinet mengarahkan penelitian yang membabitkan perjanjian di dalam dan luar negara. Wisma Putra pula dipertanggungjawabkan meneliti perjanjian di antara kerajaan Malaysia dengan pihak negara asing, termasuk swasta.

Difahamkan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah membangkitkan perkara itu pada mesyuarat Kabinet sebelum ini, kerana kerap kali kerajaan terpaksa 'mengalah' termasuk membayar pampasan kepada swasta jika kegagalan sesuatu projek kerana perjanjian longgar serta menjejaskan kepentingan kerajaan atau negara.

Perdana Menteri dikatakan pernah menyatakan bahawa sesetengah rundingan sewaktu perjanjian termeterai dulu termasuk ketika zaman British mengenepi atau mengabaikan kepentingan negara.

Rais berkata, jawatankuasanya tidak terbabit untuk meneliti semula semua perjanjian lama kerana ia cuma ditugaskan untuk berbuat demikian bagi perjanjian baru membabitkan kerajaan dan swasta.

"Aspek yang akan dinilai ialah juga berkaitan kepentingan ekonomi. Jika perlu diubah suai (perjanjian), kita akan nasihatkan kerajaan," katanya.

Katanya, perjanjian lain termasuk membabitkan kementerian akan disimpan dalam satu depository pusat dan Peguam Negara dipertanggungjawab untuk mengemaskini dan mengawasi semua perjanjian itu.

Difahamkan, semua dokumen perjanjian yang ditandatangani kerajaan dengan pihak lain sama ada swasta, British dan Singapura sejak sebelum merdeka akan turut dikumpul dan dikaji kerana sesetengahnya didapati merugikan

kerajaan serta menyetujui kepentingan negara.

Buat masa ini, perjanjian membabitkan kerajaan itu disimpan agensi masing-masing seperti di Wisma Putra, Jabatan Peguam Negara dan pelbagai kementerian serta jabatan.